

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN NO. 386

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Skim Pesakit Bayar Penuh (FPP) akan diperluaskan ke hospital besar Kerajaan yang lain. Adakah kos sedia ada akan dinaikkan ekoran permintaan yang tinggi bagi skim tersebut di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga tahun 2015 sebanyak 42 buah hospital KKM telah diwartakan untuk melaksanakan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh. Perkhidmatan ini diperluaskan secara berperingkat dan berfasa di mana 2 buah hospital telah bermula pada tahun 2007 sebagai Hospital Rintis. Seterusnya, pada tahun 2015 perkhidmatan ini telah diperluaskan lagi ke 8 buah hospital lain melalui Perluasan Fasa 1. Hospital-hospital yang terlibat dalam fasa perluasan yang akan datang kini sedang dalam proses persediaan sebelum perkhidmatan ini bermula untuk memastikan perkhidmatan FPP lebih tersusun dan lancar.

KKM menghargai sokongan yang diberi terhadap perkhidmatan ini serta reaksi positif dan sambutan yang menggalakkan daripada rakyat. Sehingga akhir tahun 2018, sebanyak 26,739 orang pesakit menyertai perkhidmatan ini dan sebanyak 360 orang pakar perubatan KKM berjaya dikekalkan berbanding penyertaan 702 orang pesakit dan 89 orang pakar perubatan pada tahun 2008.

NO SOALAN : 386

Adalah menjadi hala tuju KKM untuk memperluaskan perkhidmatan ini di hospital-hospital berpakar yang lain agar mencapai objektif mengurangkan penghijrahan pakar ke swasta dan pada masa yang sama memberi pilihan kepada rakyat yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan untuk mendapatkan penjagaan rawatan pakar di hospital kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu.

Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pesakit yang memilih untuk mendapatkan perkhidmatan FPP akan dikenakan caj berdasarkan caj yang disenaraikan dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007. Selaras dengan perkembangan perubatan semasa di mana terdapat prosedur-prosedur baru perubatan telah diperkenalkan dan kos peralatan perubatan serta ubat-ubatan meningkat, caj di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007 sedang dikaji dan dikemaskini.

Sekian, terima kasih.